

Pahang bawa teknologi luar rawat sungai keruh

Oleh IKHWAN IDERIS

KUANTAN – Kerajaan negeri Pahang sedang mempertimbangkan cadangan untuk menggunakan teknologi dari luar negara termasuk Jerman, Perancis dan Kanada bagi mengatasi masalah kekurangan sumber bekalan air yang berpunca daripada air sungai keruh.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri Pahang, Datuk Seri Mohd. Soffi Abdul Razak berkata, satu delegasi kerajaan negeri telah membuat lawatan teknikal dan pelaburan di beberapa negara

Eropah baru-baru ini bagi menyaksikan sendiri teknologi berkenaan.


Jelasnya, berdasarkan lawatan tersebut, antara teknologi yang dipertimbangkan ialah teknik yang digunakan loji rawatan air di Paris, Perancis kerana mampu merawat air pada tahap kekeruhan 1,000 NTU (*Nephelometric Turbidity Units*) selain loji rawatan air di Kanada yang mampu merawat air pada tahap kekeruhan 4,200 NTU serta berkebolehan mengasingkan logam berat berbahaya termasuk arsenik.

“Di Pahang, operasi sesebuah loji rawatan air akan dihentikan

sekiranya bekalan air mentah yang diterima daripada sumber berhampiran mengalami kekeruhan pada kadar 1,000 NTU.

“Itu prosedur operasi standard yang dilaksanakan kerana reka bentuk loji rawatan yang diguna pakai buat masa ini sudah lama dan menggunakan teknologi secara konvensional.

“Kami percaya teknologi baharu ini dapat merawat sumber air mentah keruh di daerah Raub, Lipis dan Kuantan yang mengandungi banyak logam besi berikutan aktiviti perlombongan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.



SISA lumpur dan pasir dari sebuah lombong mengalir masuk ke Sungai Jelai di Kuala Lipis dipercayai menyebabkan air sungai itu keruh.
— Gambar hiasan